



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA **KPWKM**

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 5 JUN 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	DIDIK DENGAN KASIH SAYANG, BUKAN TEGURAN MENGGURIS HATI		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/didik-dengan-kasih-sayang,-bukan-teguran-mengguris-hati	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/06/04/penderaan-emosi-di-sekolah-mengancam-perkembangan-mental-kanak-kanak/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	USAHAWAN WANITA DIGESA KUASAI TEKNOLOGI , CIPTA INOVASI		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2430822	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2430828	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	REMAJA BERKENALAN DENGAN SELEBRITI SEJAK 3 BULAN LALU		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1226556/remaja-berkenalan-dengan-selebriti-sejak-3-bulan-lalu?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/remaja-berkenalan-dengan-selebriti-sejak-3-bulan-lalu/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	ARTIS TERKENAL DITAHAN KES AMANG SEKSUAL REMAJA		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/06/1404553/artis-terkenal-ditahan-kes-amang-seksual-remaja	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-pelakon-penyanyi-terkenal-untuk-siasatan-kes-amang-seksual-523725	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/penyanyi-terkenal-ditahan-buat-amang-seksual-terhadap-remaja/	UTUSAN.COM.MY	
	https://ohbulan.com/artis-popular-ditahan-polis-didakwa-cabul-remaja-17-tahun/	OHBULAN.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=6S2sWdvy1vY	YOUTUBE	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/06/1226454/artis-disyaki-cabul-remaja-di-hotel-ditahan-polis	HMETRO.COM.MY	
	https://www.mstar.com.my/spotlight/sensasi/2025/06/04/artis-popular-ditahan-polis-didakwa-cabul-remaja-bawah-umur-di-hotel	MSTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2430785	BERNAMA.COM	
	https://ohmedia.my/trending/pelakon-popular-ditangkap-polis-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-17-tahun/	OHMEDIA.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/06/04/pelakon-ditahan-disyaki-amang-seksual-remaja-17-tahun	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://suaramerdeka.com.my/kenali-di-kafe-bawa-ke-hotel-artis-terkenal-disiasat-polis/	SUARAMERDEKA.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/732198/berita/semasa/pelakon-disiasat-amang-seksual-remaja-perempuan-di-hotel#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/04/artis-terkenal-ditahan-bawa-remaja-17-tahun-masuk-hotel/	KOSMO.COM.MY	
	https://gempak.com/berita-terkini/artis-disyaki-cabul-remaja-di-hotel-ditahan-polis-99043	GEMPAK.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/06/04/cops-nab-singer-actor-suspected-of-molesting-teen-at-hotel	FREEMALAYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	LELAKI DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP ANAK SENDIRI		NEGATIF
	https://www.dailyexpress.com.my/news/259695/lelaki-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-anak-sendiri/	DAILYEXPRESS.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Didik dengan kasih sayang, bukan teguran mengguris hati

Koron - 14 Disember 2023 14:57 PM



Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Didik Haji Ahmad Ibrahim (Foto: Nurul Huda/RTM)

SAJUDIA PENDARAH

Sekolah ialah institusi asasi yang memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah dan kesejahteraan psikososial kanak-kanak. Iaitu daripada sekadar tempat menuntut ilmu, sekolah harus menjadi ruang selamat bagi murid untuk berkembang dari segi akademik, emosi dan sosial. Namun, apabila layanan yang diterima bersifat menekan dan menyalak, malah, terutamanya daripada individu yang sepatutnya membimbing mereka, maka mesej pendidikan yang ingin dibawa menjadi tercalar.

Sebaliknya, ini, iaitu penderaan emosi terhadap murid menjadi perhatian apabila terdapat laporan bahawa sesetengah murid yang mengalami penderaan tidak hanya kepada ibu bapa berdepan dengan tidak bala negatif di sekolah. Ada murid yang ditegur secara terbuka, dilabel dengan kata-kata yang menyinggung atau dipersoal integriti mereka di hadapan rakan sekelas hanya kerana menyampaikan rasa tidak puas hati terhadap layanan diterima. Situasi ini, walaupun dilihat kecil oleh sesetengah pihak, sebenarnya memberi kesan mendalam terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak.

Pakar dalam bidang psikologi perkembangan menjelaskan bahawa interaksi negatif secara berulang daripada figura berotoriti seperti guru boleh menjejaskan imej sendiri dan emosi murid. Mereka mungkin mula mempercayai bahawa menyuarakan pendapat adalah sesuatu yang salah atau menjadi murid yang pasif, atau bersuara dan kurang keyakinan diri. Dalam jangka panjang, ini boleh menyebabkan gangguan kesihatan mental seperti keresahan dalaman, kemurungan atau kecenderungan mengasingkan diri daripada persekitaran sosial.

Penderaan emosi bukan sekadar maki hamun atau jenakan, ia juga merangsang perbuatan yang memperlekehkan, menghermakan, menyindir atau menjatuhkan maruah seseorang secara konsisten sama ada secara langsung atau tidak. Dalam konteks sekolah, perlakuan ini boleh berlaku melalui cara penyampaian teguran yang tidak sensitif atau hukuman sosial di hadapan rakan sebaya. Tindakan ini, walaupun bertujuan mendisiplinkan harus diteliti semula sekiranya tidak lagi selaras dengan prinsip pendidikan yang berasaskan kasih sayang dan empati.

Perlu difahami bahawa apabila murid berdepan pengalaman mereka kepada ibu bapa, itu adalah bentuk komunikasi silat. Ibu bapa ialah individu perantara yang dipercayai oleh kanak-kanak. Maka, adalah penting untuk ruang komunikasi antara guru dan ibu bapa dibina atas dasar saling hormat dan keterbukaan bukan berdasarkan ancaman atau reaksi emosional. Jika murid merasa takut untuk bercakap benar, sistem pendidikan akan kehilangan fungsi utamanya sebagai pembentuk insan yang berintegriti dan berani menyuarakan kebenaran.

Sebagai profesion yang memegang tanggungjawab besar dalam pembinaan masyarakat, guru bukan sahaja perlu menguasai ilmu pengajaran dan pembelajaran tetapi juga kebolehan pengurusan emosi, komunikasi berkesan dan kepekaan terhadap latar belakang psikososial murid. Ini amat penting lebih-lebih lagi dalam era pendidikan moden yang semakin menekankan kesejahteraan mental sebagai sebahagian daripada kesempurnaan holistik.

Langkah-langkah pencegahan perlu diambil secara sistematis. Ini bermaksud pemantauan latihan profesional guru dalam aspek pengurusan emosi dan trauma murid, penguatkuasaan sistem aduan yang mesra murid serta penyediaan persekitaran sekolah yang menyokong komunikasi terbuka antara guru, ibu bapa dan murid. Unit Kaunseling sekolah pula perlu digerakkan secara aktif bukan sekadar untuk murid bermasalah tetapi sebagai pusat intervensi awal bagi mengesan dan menangani tekanan emosi yang mungkin tidak diutarakan secara langsung.

Pihak pengurusan sekolah juga perlu memainkan peranan aktif dalam memantau budaya kerja warga pendidik. Keberkesanan sesebuah institusi pendidikan tidak hanya diukur melalui pencapaian akademik semata-mata tetapi juga melalui kesejahteraan emosi dan hubungan harmoni antara guru dan murid. Guru yang memiliki kemahiran pengurusan emosi yang baik dan pendidapan positif mampu membina suasana pembelajaran yang menyokong perkembangan holistik murid.

Iaitu penderaan emosi di sekolah bukanlah untuk menunding jari atau menimbulkan konflik antara pihak-pihak yang terlibat. Sebaliknya adalah satu panggilan agar semua yang berkecimpung dalam dunia pendidikan sama-sama menaruh dan mengambil tindakan proaktif demi kepentingan murid sebagai generasi masa depan negara.

Budaya pengajaran dan pembelajaran yang mengutamakan kasih sayang, hormat-menghormati serta komunikasi berkesan harus menjadi asas kepada sistem pendidikan kita. Kanak-kanak yang mengalami tekanan emosi atau trauma akibat layanan tidak wajar di sekolah mungkin membawa kesan jangka panjang yang serius. Trauma emosi yang tidak diatasi dengan betul boleh mengakibatkan masalah kesihatan mental seperti kemurungan, kecemasan kronik, rendah diri dan bahkan gangguan tingkahlaku.

Oleh itu, pencegahan dan intervensi awal amat penting untuk memastikan murid mendapat sokongan yang sewajarnya dan dapat mengikatkan perkembangan mental yang ehai. Setiap murid berhak mendapatkan persekitaran pendidikan yang kondusif dan menyokong. Mereka harus dididik dalam suasana di mana pandangan mereka dihargai dan di mana mereka tidak takut untuk melaporkan perasaan atau masalah yang dihadapi.

Dalam pada itu, guru sebagai pemegang blok dagang harus sentiasa mengutamakan pendekatan yang membina dan penuh empati bagi mengelakkan sebarang bentuk penderaan emosi yang boleh menjejaskan potensi murid.

Dengan fikiran dan komitmen bersama dari semua pihak berkepentingan iaitu guru, ibu bapa, pengurusan sekolah dan pihak berkuasa pendidikan kita mampu membina sebuah sistem Pendidikan, bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga berdaya tahan dari segi mental dan emosi. Melindungi hak dan kesejahteraan murid bukan hanya tanggungjawab individu tetapi satu amanah yang dipikul bersama demi masa depan yang lebih cerah.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan atau pun pendirian rasmi RTM.



Nurliyah Emily Mahamad Khalid -
Konselor Berdaftar/Pegawai Penerangan
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Usahawan Wanita Digesa Kuasai Teknologi , Cipta Inovasi

04/06/2025 08:50 PM



KANGAR, 4 Jun (Bernama) --Golongan usahawan wanita disaran merebut peluang dalam bidang teknologi dan penyelidikan selaras dengan tuntutan era digital yang menekankan penguasaan teknologi serta keupayaan berinovasi sebagai kunci kejayaan jangka panjang.

Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA) Datuk Zulfikri Osman berkata pihaknya sentiasa komited membimbing dan menyokong usahawan wanita agar mampu meneroka pasaran baharu, menghasilkan produk inovatif dan membina jenama berdaya saing di peringkat antarabangsa.

"Jangan takut untuk berubah dan meneroka bidang baharu. Masa depan usahawan wanita bukan sahaja cerah, malah penuh potensi untuk mencipta sejarah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan penutup program Women In Search Of Excellence (WISE) 2025 di sini, hari ini, yang dibacakan Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) MARA, Rohayah Mohd Zain.

Majlis penutup program itu disempurnakan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Turut berangkat, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr Hajah Lailatul Shohreen Akashah Khalil.

Dalam pada itu, Zulfikri berkata jumlah usahawan di Perlis mencatatkan peningkatan sebanyak 19.4 peratus, iaitu seramai 3,848 orang pada tahun lalu berbanding 3,222 orang pada 2023.

"Lebih membanggakan, nilai jualan turut meningkat daripada RM273.6 juta kepada RM342 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM68.4 juta atau 25 peratus," katanya.

-- BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja berkenalan dengan selebriti sejak 3 bulan lalu

Nor Hidayah Tanzi

hidayah.tanzi@metromedia.com.my



[LAPORAN] Harian Metro hari ini

Petaling Jaya: Remaja perempuan berusia 17 tahun yang menjadi mangsa amang seksual selebriti lelaki mendakwa sudah berkenalan dengan suspek sejak tiga bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Ja'afar berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian cabul itu daripada ibu mangsa pada 1.57 tengah hari, Isnin lalu.

Menurutnya, mangsa dikatakan berkenalan dengan suspek di sebuah kafe tempat remaja itu bekerja di Kuala Lumpur.

"Suspek dikatakan mengajak mangsa berjumpa di sebuah hotel di Petaling Jaya dan melakukan amang seksual fizikal kepada mangsa," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Katanya, susulan itu suspek ditahan pada 2.54 petang, semalam bagi membantu siasatan kes sebelum dibebaskan dengan jaminan polis.

"Kertas siasatan sedang dilengkapkan dan kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual terhadap kanak-kanak 2017," katanya.

Shahrulnizam berkata, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan diminta tampil ke Balai Polis berhampiran atau menghubungi Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Daerah Petaling Jaya di talian 03-79662222 bagi membantu siasatan kes.

Harian Metro hari ini melaporkan, pelakon dan penyanyi terkenal ditahan polis semalam selepas melakukan amang seksual ke atas remaja perempuan di sebuah hotel di Selangor.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan dilaporkan berkata, mereka kemudian bertemu beberapa kali selepas perkenalan itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Artis terkenal ditahan kes amang seksual remaja

Oleh Nur Azizah Mokhtar - Jun 4, 2025 @ 4:58pm



KUALA LUMPUR: Seorang pelakon dan penyanyi lelaki terkenal ditahan polis, semalam bagi membantu siasatan berhubung kes amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan di sebuah hotel di Selangor.

Mangsa berusia 17 tahun itu difahamkan mengenali artis terbabit ketika bekerja di sebuah kafe sebelum mereka beberapa kali bertemu susulan perkenalan itu.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan, berkata suspek kemudian membawa mangsa berjumpa di sebuah hotel.

"Ketika dalam pertemuan itu suspek melakukan perbuatan amang seksual fizikal kepada mangsa.

"Suspek sudah ditahan, semalam bagi membantu siasatan namun sudah dibebaskan dengan jaminan polis," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Belliau memaklumkan, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792), dan kertas siasatan kini sedang dilengkapkan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki didakwa lakukan amang seksual terhadap anak sendiri

Published on: Wednesday, June 04, 2025
By: Cynthia D Baga



Disebabkan hubungan dengan remaja itu, terdapat hukuman tambahan di bawah Seksyen 16(1) SOACA yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun dan sebat sekurang-kurangnya dua sebatan.

KOTA KINABALU: Seorang lelaki berusia 51 tahun didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap anak perempuannya, tahun lalu.

Lelaki yang tampil di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Marlina Ibrahim, mengaku bersalah terhadap pertuduhan dihadapinya pada Selasa.

Bagaimanapun, hukuman terhadap lelaki itu ditangguhkan kepada 5 Jun tahun ini dan mahkamah memerintahkan lelaki itu direman sementara menunggu tarikh itu.

Tarikh itu juga untuk fakta kes dibaca.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu terhadap kanak-kanak perempuan berusia 13 tahun itu dengan menyentuh bahagian sulungnya pada jam 7 malam, 18 Dis 2024 di sebuah rumah di sebuah kampung di Menumbok, Beaufort.

Kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Disebabkan hubungan dengan remaja itu, terdapat hukuman tambahan di bawah Seksyen 16(1) SOACA yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun dan sebat sekurang-kurangnya dua sebatan.

Terdahulu, pihak pendakwaan membantah ikat jamin terhadap lelaki itu dengan mengatakan lelaki dan kanak-kanak terbabit tinggal di bawah satu bumbung tetapi jika mahkamah membenarkan jaminan, pihak pendakwaan mencadangkan RM10,000 dengan dua penjamin tempatan serta perlu melapor diri di balai polis sebulan sekali.

Lelaki itu memohon ikat jamin tetapi mahkamah tidak membenarkannya.

Timbalan Pendakwa Raya Afifah Alya melakukan pendakwaan manakala lelaki itu tidak diwakili.